



## LEMBARAN PENZAHIRAN PRODUK eMas KT

Sila baca dan fahami Lembaran Penzahiran Produk beserta terma-terma dan syarat-syarat am eMas KT sebelum anda memutuskan untuk membuka akaun eMas KT dan melakukan transaksi belian dan jualan emas melalui platform digital ini. Sila dapatkan penerangan lanjut daripada Koperasi Tentera ("KT") sekiranya anda tidak memahami mana-mana terma dinyatakan di dalam dokumen ini.

### 1. Apakah produk ini?

Produk ini adalah akaun pelaburan emas ('Akaun') melalui platform digital yang patuh Syariah bagi belian dan jualan emas mutu ketulenan 999.99 di mana transaksi disokong dengan emas fizikal.

Emas tersebut akan disimpan bagi pihak pelanggan dan pelanggan boleh mendapatkan emas fizikal tersebut dalam pelbagai bentuk dan berat yang pelbagai tertakluk kepada caj dan kos yang terlibat.

### 2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

eMas KT menggunakan konsep Syariah yang utama iaitu:

- i. Bai' al-Sarf – merujuk kepada penjualan mata wang dalam bentuk yang sama atau berbeza secara serta merta seperti emas kepada emas, atau emas kepada perak. Di bawah kontrak ini, pelanggan akan membeli emas daripada KT (dalam gram) pada harga belian (dalam Ringgit Malaysia) yang ditetapkan.
- ii. Wakalah – Anda melantik KT sebagai ejen untuk mencari dan mengatur dengan pembekal perkhidmatan bilik kebal keselamatan pihak ketiga untuk menyimpan jongkong emas fizikal anda dengan selamat dan melantik KT untuk melaksanakan transaksi pesanan masa hadapan anda.

### 3. Apakah kaedah pembukaan akaun produk ini?

- i. Anggota KT- Pembukaan Akaun adalah secara automatik melalui KTOnline apabila anggota membuat transaksi belian emas produk eMas KT.

### 4. Apakah ciri-ciri yang ditawarkan bagi Akaun ini?

<b>Belian Minima</b>	RM 10.00
<b>Baki Minima</b>	RM 10.00
<b>Ketulenan Emas</b>	999.99%
<b>Matawang</b>	Ringgit Malaysia (RM)
<b>Dominasi Penebusan Emas</b>	0.5-gram, 1 gram, 2.5 gram, 5 gram, 10 gram, 50 gram, 100 gram, 4.25 gram (1 Dinar), 21.25 gram (5 Dinar)
<b>Platform Transaksi</b>	Secara digital melalui KTOnline (Anggota) ataupun laman web KT (bukan Anggota)
<b>Waktu Operasi</b>	8 pagi sehingga 11.59 malam
<b>Kekerapan Penyata</b>	Bulanan dan boleh diakses secara dalam talian.
<b>Jaminan Prinsipal Pelaburan</b>	Prinsipal pelaburan emas tidak dijamin.
<b>Bayaran Transaksi</b>	Segala bayaran jualan dan belian adalah melalui kaedah Pertukaran Proses Kewangan/ Financial Process Exchange (FPX) dengan pilihan pelbagai bank di Malaysia.

### 5. Apakah fi, caj dan bayaran lain yang terlibat?

Kesemua transaksi jualan dan belian emas dilakukan secara dalam talian iaitu melalui platform digital tanpa pegangan emas fizikal. Justeru itu, emas yang telah dibeli oleh pelanggan boleh terus ditebus bagi pegangan fizikal ataupun pelanggan melantik KT untuk mendapatkan penyedia peti keselamatan bagi penyimpanan sehingga penebusan dilakukan.

Berikut fi dan caj yang perlu ditanggung pelanggan ketika transaksi sehingga penebusan emas fizikal:

Fi dan Caj	Keterangan
Fi Penyimpanan	1% setahun bagi setiap gram atau minimum RM1.00 yang bersamaan nilai gram (mana-mana lebih tinggi) mengikut pegangan emas harian dan akan ditolak terus daripada Akaun dalam nilai gram secara bulanan.
Caj Penebusan Emas Fizikal	Caj bermula daripada serendah RM52.00 dan bergantung kepada berat emas. Caj adalah termasuk caj penghantaran, fi Takaful dan fi penukaran emas.
Fi FPX	RM1.20 bagi setiap transaksi belian.

- Kesemua caj ini perlu dibayar oleh pelanggan.
- Sila rujuk laman web KT [www.katmb.com.my](http://www.katmb.com.my) bagi fi dan caj yang berkaitan yang terkini.

### 6. Di manakah saya boleh mendapatkan harga emas semasa?

Harga emas semasa tersedia di platform digital **eMas KT** ataupun anda boleh merujuk di laman sesawang KT.

### 7. Apakah risiko yang bakal saya hadapi?

Pelaburan emas dipengaruhi oleh beberapa risiko yang membawa kepada perubahan harga emas yang berkemungkinan terdapat peningkatan atau pengurangan terhadap jumlah pelaburan. Justeru itu, pelanggan dianjurkan untuk sentiasa berwaspada kepada sebarang risiko bagi setiap transaksi yang dilakukan.

### 8. Bolehkan saya menjual kembali emas yang telah dibeli?

Ya, pelanggan boleh menjual kembali emas yang telah dibeli kepada KT mengikut harga semasa yang ditawarkan.

### 9. Bagaimana sekiranya saya ingin menebus emas fizikal?

Pelanggan boleh membuat penebusan emas fizikal melalui platform digital dan perlu menanggung segala kos fi dan caj yang terlibat.

### 10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan mengenai butiran peribadi saya?

Anda perlu mengemaskini maklumat di platform digital eMas KT dengan segera bagi sebarang perubahan butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua maklumat sampai kepada anda tepat pada masanya.

### 11. Adakah saya masih boleh membuka Akaun ini melalui KT Online sekiranya saya telah berhenti menjadi anggota KT?

Tidak. Buat masa ini, produk eMas KT hanyalah terhad untuk anggota KT yang aktif dan mempunyai KTOnline yang masih aktif.

### 12. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat dan bantuan lanjut?

- Untuk sebarang pertanyaan lanjut atau permasalahan berkaitan kemudahan ini, anda boleh menghubungi KT Customer Care di talian 03-2303 0000.
- Jika terdapat pertanyaan atau aduan anda yang tidak diselesaikan oleh pihak KT, anda boleh merujuk kepada:

Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan  
Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur  
No. Tel: 03-2083 4000; Faks: 03-2083 4100

**Penafian:** Maklumat yang diberikan merupakan maklumat am berkaitan produk ini. Terma-terma dan Syarat-syarat yang muktamad adalah apabila pembukaan Akaun berjaya dilakukan.

**Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Penzahiran Produk ini adalah sah pada [xx/xx/yyyy] dan sehingga kemaskini yang seterusnya.**